JATA NEGERI SELANGOR

DI ANJUNG ISTANA BANDAR



Jata Negeri Selangor yang terdapat di dinding anjung Istana Bandar ini mendapat sentuhan peribadi Almarhum Sultan Alaeddin Sulaiman Shah yang sangat berkemahiran dalam bidang rekaan. Jata ini masih digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor sehingga ke hari ini. Berikut merupakan makna disebalik "Lambang Negeri Selangor".




Anak bulan & bintang sebagai tanda Agama Islam adalah agama rasmi Negeri Selangor.



3 senjata di tengah itu merupakan alat kebesaran negeri. Tombak Merah di tengah ialah sambu-warna, di sebelah kanan – Keris Pendek Terapang Gabus dan di kiri pula – Keris Panjang Beruk Berayun.



Tulisan jawi yang melingkari 3 senjata tersebut adalah perkataan "Selangor" dan di bawahnya tertera tulisan jawi "Dipelihara Allah" yang merupakan cogan negeri.



Di bawah cogan negeri ialah tali bengkung yang dipakai sebagai ikat pinggang pahlawan zaman dahulu.

Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor

www.padat.gov.my PadatSelangor PADAT TV